



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA  
BAHAGIAN PENGGALAKAN PELABURAN, PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN  
PENSWASTAAN

*Ministry of Agriculture and Agro – Based Industry Malaysia  
Investment Promotion, Business Development and Privatization Division*

Garis Panduan Permohonan Galakan Di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 Untuk Projek  
Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan

*Guidelines For The Application Of Incentives Under Section 127 Income Tax Act 1967 For Approve  
Food Production Project*

A. MAKLUMAT PERMOHONAN / *APPLICATION PARTICULARS*

1. Permohonan oleh Syarikat Pelabur Bagi Potongan Untuk Pelaburan Dalam Syarikat Berkaitan Bagi Menjalankan Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan – (Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Pelaburan Dalam Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan) 2006 [P.U. (A) 55/2006]).  
*Application of Deduction For Investment In Related Company Given Approval To Undertake An Approved Food Production Project (Deduction For Investment In An Approved Food Production Project) 2006 [P.U. (A) 55/2006].*
  - (i) Syarikat Pelabur mengisi **BORANG MOA1-1**  
*Application by the investing company should be made by filling up MOA1-1 form*
  - (ii) Syarikat Berkaitan Yang Menjalankan Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan mengisi **BORANG MOA1-2 (Pengecualian) (No. 10) 2006 [P.U. (A) 51/2006]**.  
*Application For Exemption of Income Under Section 127, Income Tax Act 1967 by Related Company Undertaking An Approved Food Production Project (Exemption) (No. 10) 2006 [P.U. (A) 51/2006] should be made by filling up MOA1-2 form*
2. Permohonan oleh Syarikat TANPA Syarikat Pelabur bagi mendapatkan Pengecualian Cukai di bawah Seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967 Bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan  
*Application For Exemption of Income Under Section 127, Income Tax Act 1967 by the Company Undertaking An Approved Food Production Project Only.*
  - (i) Projek Baru Dan Projek Pembesaran - Permohonan dibuat dengan mengisi **BORANG MOA1-2**  
*New and Expansion Project - Application should be made by filling up MOA1-2 form*

## B. TEMPOH KELAYAKAN / QUALIFYING PERIOD

1. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia **SELEWAT-LEWATNYA 31 Disember 2010.**  
*Applications should be forwarded to the Ministry Of Agriculture and Agro - Based Industry Malaysia before 31 December 2010.*
2. Tarikh Permohonan kepada MOA adalah pada tarikh permohonan yang lengkap diterima daripada syarikat pemohon.  
*Processing period is based on fully completed applications submitted by the Company and received by the Ministry Of Agriculture and Agro - Based Industry Malaysia.*

## C. DEFINISI SYARIKAT / DEFINITION OF COMPANY

Definisi syarikat BAGI SYARIKAT yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan yang diluluskan TERMASUK:

*Definition of the company under taking the approved food production INCLUDES:*

- a. Pertubuhan Koperasi yang berdasarkan pertanian; *Agro-Based Co-operative Society;*
- b. Pertubuhan Peladang Kawasan; *Area Farmers' Association;*
- c. Pertubuhan Peladang Persekutuan; *Federal Farmers' Association;*
- d. Pertubuhan Peladang Negeri; *State Farmers' Association;*
- e. Persatuan Nelayan Kawasan; *Area Fishermen's Association;*
- f. Persatuan Nelayan Persekutuan; *Federal Fishermen's Association;*
- g. Persatuan Nelayan Negeri; *State Fishermen's Association;*
- h. Pemilikan Tunggal; *Sole Proprietorship;*
- i. Perkongsian; *Partnership;*
- j. Syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965; *Companies corporated under the Companies Act 1965;* dan / and
- k. Pertubuhan/Persatuan yang terlibat dalam bidang pertanian; *Association solely engaged in agriculture.*

## D. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN / CRITERIA FOR ELIGIBILITY

1. Insentif ini disediakan untuk Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan seperti berikut:

**Sayur-sayuran, buah-buahan, kenaf, herba, rempah ratus, akuakultur, perikanan laut dalam dan penternakan lembu, kambing dan biri-biri.** Projek integrasi yang melibatkan aktiviti pengeluaran bahan makanan yang diluluskan (seperti yang disenaraikan) dan aktiviti pemprosesannya adalah juga dipertimbangkan.

*This incentive is limited to the following list of approved food products: Vegetables, fruits, herbs, spices, kenaf, aquaculture, deep-sea fishing and rearing of cattle, goats and sheep. Integrated farming project which involved approved food production activities (as stated) and processing activities also will be considered.*

2. Syarikat pelabur yang memohon POTONGAN hendaklah memiliki sekurang-kurangnya 70% daripada ekuiti syarikat berkaitan.

*The investing company who apply for the deduction should owned at least 70 % of related*

*subsidiary company.*

4. Permohonan bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan (BARU) adalah terpakai bagi projek yang belum bermula kecuali bagi projek perikanan laut dalam.  
*Application for a new food production project is limited to the company that has not started the project except for the deep sea fishing project.*
5. Syarat ekuiti HANYA TERPAKAI bagi projek **akuakultur** dan **perikanan laut dalam** di mana masing-masing memerlukan sekurang-kurangnya 30% dan 100% ekuiti milik pelabur tempatan.  
*No equity restriction is imposed on local or foreign investor in any project whereby an applications submitted for an incentive is made EXCEPT for aquaculture and deep-sea fishing, which is strictly at least 30% and 100% equity belongs to local investor.*
6. Saiz minimum projek akuakultur adalah **2 hektar** KECUALI projek hatcheri.  
*Minimum size for aquaculture project excluding hatchery project are 2 hectares.*
7. Pertimbangan permohonan untuk syarikat yang menjalankan projek akuakultur di Negeri Sarawak adalah tertakluk kepada kelulusan permit/lesen untuk menjalankan aktiviti akuakultur yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sarawak.  
*The considerations of incentive applications especially for company undertaking aquaculture project in the state of Sarawak is subject to the approval of aquaculture practicing permit/license produce by the Department of Agriculture of Sarawak.*
8. Setiap permohonan insentif untuk aktiviti perikanan laut dalam perlu menyertakan:  
*Each application of incentives for deep-sea fishing activity must be enclosed with:*
  - I. Salinan permit membina vessel perikanan laut dalam; dan *Permit for building vessel deep-sea fishing; and*
  - II. Salinan lesen menangkap ikan laut dalam dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan disahkan oleh Ketua Pengarah Perikanan.  
*Deep Sea Fishing License and endorsed by the Director General, Department of Fisheries.*
9. Setiap projek yang dipohon perlu mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan berkaitan yang dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Enakmen Konservasi Alam Sekitar 1996 dan peraturan-peraturan berkaitan yang dikendalikan oleh Jabatan Konservasi Alam Sekitar, Sabah atau Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan yang dikendalikan oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar, Sarawak \*(mana yang berkenaan)  
*The Project that being applied must comply with the Environmental Quality Act 1974, which is under the jurisdiction of Department of Environmental, Conservation Environmental Act 1996 which is under the jurisdiction of Conservation Environmental Department, Sabah or Natural Resources and Environment Ordinance 1994 which is under the jurisdiction of Natural Resources and Environment Board, Sarawak. \*(Whichever is applicable)*
10. Borang permohonan perlu disertakan dengan maklumat seperti berikut :
  - Carta Organisasi Syarikat Terkini,
  - Gambar lokasi projek, pelan tapak projek dan dokumen-dokumen yang menyokong status kesahihan pemilikan/penyewaan tanah SERTA

- maklumat syarikat melalui borang 24, 49 dan *Memorandum of Articles of Association* yang disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

*Each application must be attached with complete information of Company recent organization chart, project location, plan of the site and documents that verify the truthfulness of the land ownership/rental AND ALSO company background through form 24, 49 and *Memorandum of Articles of Association* that endorsed by Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).*

11. Syarikat berkaitan yang menjalankan **lebih dari satu projek** pengeluaran bahan makanan yang diluluskan perlu menyediakan akaun berasingan bagi tujuan pengecualian cukai pendapatan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

*Related company which undertaking **more than one** approved food production project from different sub-sector in which each of them are **different in terms of method and cost of production**, must provide **separate project account** for each product in order to claim for tax exemption from IRB.*

#### E. SYARAT – SYARAT KELULUSAN / REQUIREMENT FOR APPROVAL

- 1 Projek hendaklah bermula dalam tempoh **satu tahun** dari tarikh insentif diluluskan oleh Menteri Kewangan.

*The commencing period for food production project imposed within a period of **one year** from the date of incentives approved by the Minister of Finance.*

- 2 Syarikat BERKAITAN yang menjalankan projek perlu mengemukakan laporan kemajuan perlaksanaan projek setiap **6 bulan** kepada Jabatan Pertanian/Perikanan/Perkhidmatan Haiwan \*(mana yang berkenaan sahaja) bermula dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan bagi tujuan pemantauan.

*The subsidiary company undertaking the project must submit the progress report every **6 months** to the Department of Agriculture/Fisheries/ Veterinary Services \*(whichever is applicable) starting from the dated of approval for monitoring purposes.*

#### F. DEFINISI PELABURAN OLEH SYARIKAT PELABUR / DEFINITION OF INVESTMENT FOR INVESTING COMPANY

- 1 Pelaburan dalam konteks potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang diberikan kepada syarikat pelabur yang melabur dalam syarikat subsidiari yang mengendalikan aktiviti itu hendaklah dalam bentuk:

*Investment in the terms of tax exemption is equal to the amount of invested by investing company in subsidiary company that undertakes food production activities in the mode of:*

- a. Ekuiti/saham; equity/shares;
- b. Sumbangan wang tunai: /cash

- 2 Pelaburan dalam **bentuk pendahuluan atau pinjaman** syarikat pelabur kepada syarikat subsidiari yang mengendalikan aktiviti itu **tidak layak menuntut potongan cukai**. Walau bagaimanapun, sekiranya pemberian pendahuluan atau pinjaman ditukar (capitalised) kepada ekuiti ia layak diberi potongan cukai, tetapi penukaran ini hendaklah dalam tempoh projek itu masih berjalan .

*Investment in terms of advance or loan that being made by investing company in related company is not eligible for tax deduction unless the advance and loan is converted to be in equity. This exercise should be made within the project operating period.*

4. Potongan cukai dibenarkan adalah pelaburan yang digunakan semata-mata untuk membiayai kos tapak projek dan pengendalian projek.  
*Authorised investment is investment that being made solely to finance cost of the land for the purpose of project site and working capital expenditure.*
5. Potongan cukai yang layak dituntut oleh syarikat pelabur dalam suatu tahun taksiran adalah bersamaan dengan **jumlah sebenar** yang dilakukan olehnya dalam tahun taksiran berkenaan.  
*Total tax deduction that being approved is the actual investment that made by the investing company in the subsidiary company which undertaking the approved project in every assessment year.*
6. Pertimbangan bagi kelulusan insertif ini tidak terpakai kepada syarikat pelabur apabila :  
*The consideration for approval given to investing company shall not applied when:*
  - (1) diberi pengecualian cukai bagi projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan di bawah perintah cukai pendapatan (Pengecualian No.10 2006)**[P.U.(A) 55/2006]**; ATAU  
*Approved for tax exemption For Approved Food Production Project under the Exemption Order [P.U.(A) 55/2006]; or*
  - (2) Tempoh Pengecualian Cukai Syarikat Berkaitan Yang Menjalankan Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan Bermula.  
*Exemption period for the related company who undertaking the Approved Food Production Project begins.*

Permohonan hendaklah dikemukakan sebanyak lima belas (15) salinan kepada :

*The application should be submitted in fifteen (15) copies to:-*

Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia

Aras 12, Wisma Tani, Lot 4G1, Presint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 Putrajaya

(u.p.: Bahagian Penggalakan Pelaburan, Pembangunan Perniagaan dan Penswastaan)

Tel: 03-8870 1000 / 1292 Faks: 03-8888 6532 Jun 2006